

# RIWAYAT HIDUP ULAMA ISLAM YANG KEBILANGAN AL-IMAM AL-SHĀFI'Ī- PEMBENTUK ULAMA USŪL FIQH

Dalam bahagian penutup ini, al-Ustādh ‘Abdal-Hamid Sāmī Biyawmī Mesir menghuraikan tentang kitab “*al-Umm*” dan mazhab Shāfi’ī “*al-Jaddīd*”.- P. Q.

## Kitab *al-Um*

Kitab *al-Um* ini sangat masyhur iaitu sebuah kitab kumpulan rencana Imam Shāfi’ī yang telah direncanakannya di majlis pelajarannya, yang ditulis oleh murid-muridnya dan dicantumkan didalamnya ulasan-ulasan dan huraian mereka sendiri.

Kitab ini sangat fasih ibaratnya, elok susuk bahasanya, kemas dan rapi susunannya, di dalamnya kelihatan kelas kepandaian berbahas dan bertikam lidah dengan berdasarkan mantik:

Isi kitab ini telah direncanakan di Mesir dan diri berfasal-fasal menurut susunan “bab” fiqh seperti yang telah dibuat oleh Imam Mālik di dalam kitabnya “*al-Muwatta’*”.

Kitab “*Al-Imam*” ini memberi kita suatu gambaran yang terang tentang perdirian Imam Shāfi’ī di dalam ijihad, di atas mazhab “*al-Jaddīd*”nya.

Sebabnya Imam Shāfi’ī

## Membentuk Ilmu Uṣūl Fiqh

Ahli hadis biasanya mencatat ahli al-Ra’ī (golongan yang berdasarkan fikiran dalam membahas perkara-perkara agama) dengan dikatakan bahawa mereka mengambil hukum-hukum agama dengan “*zan*” (sangkaan). Alim ulama sahabat Abū Ḥanīfah (ahli Mazhab Ḥanafī) mendahulukan qiyas daripada “*khabar al-wāḥid*” (hadis yang diriwayatkan oleh seorang sahabat

sahaja), sedang mereka pula menerima “*hadīth mursal*” yang disandarkan kepada Nabi (SAW) oleh seorang tabi’ī (dari golongan tabi’īn yang tidak pernah berjumpa dengan nabi semasa hidupnya) atau oleh tabi’ tabi’ī (dari golongan pengikut tabi’īn yang tidak pernah berjumpa dengan sahabat nabi), iaitu hadis itu disandarkan kepada nabi dengan tidak menyebut sahabat yang telah meriwayatkannya. Dalam pada itu mereka (sahabat-sahabat Abū Ḥanīfah) tidak mahu pula menerima hadis sahih apabila hadis itu bersalahan dengan qiyas, dan mereka tidak mahu menerimanya di dalam kejadian yang biasanya berlaku “*umūm balwā*” di dalamnya- (al-Rāzī, muka 350, 351).

Apabila Imam Shāfi’ī pergi ke negeri Iraq pada pertama-tama kali, ia telah melihat bagaimana bantahan ahli-ahli al-Ra’ī yang didatangkan kepada gurunya Imam Mālik dan kepada mazhabnya. Sementara pula golongan ahli al-Ra’ī kuat sandaran mereka kerana kedudukan mereka yang tinggi di sisi khalifah-khalifah Bani ‘Abbās dan disebabkan mereka menjawat jawatan kehakiman. Apalagi mereka lebih handal berbahas daripada ahli hadis.

Dengan yang demikian sudah pada tempatnya Imam Shāfi’ī membela gurunya (Imam Mālik) dan mazhabnya.

Abū ‘Abd Allāh al-Ṣighānī meriwayatkan bahawa Yahyā Bin Aktham berkata: “Kami telah menghadiri perbahasan di antara Muḥammad Ibn al-Ḥassan dengan al-Shāfi’ī, Kami lihat al-Shāfi’ī cerdas akal dan fahamnya seperti orang Quraisy,

bersih fikirannya dan dan cepat sekali mematahkan hujah lawan, kalau ia banyak mendengar hadis nescaya umat Muḥammad tidak berkehendak lagi kepada ulama yang lain daripadanya”.

- Ibn Hajar muka 9.

Muhammad Ibn Abdul Hakim pula berkata: Aku ada mendengar al-Shāfi‘ī berkata: Muḥammad Ibn al-Ḥassan berkata kepada aku: Sahabat kami (Abū Ḥanīfah) lebih alim daripada sahabat tuan (Imam Mālik) dan kerana itu tidak sayugianya sahabat tuan berkata-kata dan sahabat-sahabat kami mendamaikan diri. Kata al-Shāfi‘ī: Aku pun marah lalu berkata: Aku bertanya kepada tuan dengan nama Allah. Siapakah orangnya yang lebih dalam ilmunya tentang sunnah Rasulullah ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam Malikkah atau Abū Ḥanīfah?” Mālik. Tetapi sahabat kami (Abū Ḥanīfah) lebih dalam ilmunya tentang qiyas” Jawabnya betul, kataku lagi: Tetapi Mālik lebih dalam ilmunya tentang kitab Allah Ta‘ālā, tentang nasakh dan mansukhnya, dan tentang sunnah Rasulullah ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam daripada Abū Ḥanīfah. Maka barangsiapa yang lebih ilmunya tentang kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya, lebih layaklah dia berkata-kata”- al-Intiqā‘, muka 24.

Pembelaan al-Shāfi‘ī akan mazhab Mālik telah terjadi ketika ia pertama-tama kali tiba di negeri Iraq, lalu bermukimlah ia di sana dalam suatu masa yang bukan pendek, ia telah mempelajari kitab-kitab Muḥammad Ibn al-Ḥassan dan lain-lain ulama ahli al-Ra‘ī lagi di antara kitab-kitab yang telah dipelajari di negeri Iraq, ia juga telah berdamping dengan Muḥammad Ibn al-Ḥassan dan telah menolak setengah-setengah qaulnya dan fahamannya sebagai membela perdirian ahli hadis.

Apabila Imam Shāfi‘ī datang sekali lagi ke negeri Iraq pada tahun 195 H (810-811 M.) Dan tinggal dua tahun di dalamnya, maka sepanjang masanya itu ia telah mengambil bahagian mengajar dan mengarang. Di dalam kitab tarikh Baghdad, al-Baghdādī berkata:

“Apabila al-Shāfi‘ī tiba di Baghdad, maka pada ketika itu di dalam masjid jamek ada kira-kira lima puluh kumpulan orang



*Al-Ustādh Maḥmūd Yūnus penyusun tafsir Quran yang terkenal (bersongkok) sedang bercakap dengan seorang pegawai council Indonesia di Singapura beliau tiba dari Indonesia kerana menghantar Sheikh al-Azhar.*

belajar. Ia pun memasuki tiap-tiap kumpulan sambil berkata kepada mereka: “Firman Allah dan sabda Rasulullah;” Sedang mereka pula berkata: “Berkatalah sahabat kami” sehingga tidak ada tinggal di dalam masjid itu satu kumpulan pun selain daripada kumpulan Imam Shāfi‘ī itu”- muka 68-69.

Seumpulan dari ulama besar ahli al-Ra‘ī telah datang

berguru kepada Imam Shāfi‘ī, seperti Ahmad Bin Ḥanbal dan Abū Thūr lalu mereka bertukar mazhab- daripada mazhab ahli al-Ra’ī kepada mazhab al-Shāfi‘ī.

Aḥmad Bin Ḥanbal berkata: Tidak ada seorang pun daripada ahli hadis yang membawa tempat dakwat melainkan ia telah terhutang budi kepada al-Shāfi‘ī. “Lalu ditanya oleh hadirin: Bagaimana pula berkata begitu? Ia menjawab: “Golongan ahli al-Ra’ī sentiasa mengejek-ejek akan ahli hadis sehingga datang al-Shāfi‘ī mengajar mereka dan mendirikan hujah atas mereka”- al-Intiqā’ muka 76.

Dalam masa Imam Shāfi‘ī bermukim di Baghdad ia telah mengarang kitab “al-Ḥujjah”. Ibn Hajar telah meriwayatkan daripada al-Buyuti bahawa al-Shāfi‘ī berkata: “Ahli-ahli hadis telah datang beramai-ramai bertanya meminta supaya aku mengarang kitab membantah kitab Abū Ḥanīfah lalu aku menjawab: Aku tidak mahu menolak qawl mereka (ulama mazhab Hanafi) sehingga aku terlebih dahulu mengkaji isi kitab-kitab mereka. Aku pun menulis kepada Muḥammad Ibn al-Ḥassan (meminta kitab-kitab mazhab Ḥanafi) lalu aku mengkaji selama setahun sehingga aku hafaz akan dia, aku pun mengarang kitab al-Baghdādī yakni “al-Ḥujjah”.

Daripada apa yang disebutkan itu jelaslah bahawa “mazhab qadīm” Imam Shāfi‘ī yang telah dibentuknya di Baghdad adalah pada garis-garis besarnya menjadi radd terhadap mazhab ahli al-Ra’ī (mazhab Ḥanafi) dan hampir menyerupai mazhab ahli hadis.

Apabila Imam Shāfi‘ī bermukim di Mesir, ia pun membentuk mazhab “al-Jadaīd” lalu ia tampil mengarang kitab-kitab meng-radd atas mazhab Imam Mālik. Tentang ini ia pernah berkata: “Mālik seorang manusia yang tidak sunyi daripada tersilap”. Itulah sebabnya Imam Shāfi‘ī terpaksa mengarang kitab dalam masalah-masalah yang berselisihan di antaranya dengan Imam Mālik. Dalam masa mengharungi kerja itu Imam Shāfi‘ī pernah berkata: “Aku telah beristikharah kepada Allah Ta‘ālā

dalam perkara ini”.


Aḥmad Bin Ḥanbal telah ditanya: Bagaimana pandangan tuan tentang kitab-kitab Imam Shāfi‘ī yang ada kepada orang-orang Iraq (yakni berdasarkan “mazhab qadīm”) adakah kitab-kitab itu yang tuan utamakan atau kitab-kitab Shāfi‘ī yang dikarangnya di Mesir?

Ibn Ḥanbal menjawab: Hendaklah kamu mengutamakan kitab-kitab yang dikarangnya di Mesir, ia mengarang kitab-kitabnya yang di Iraq dengan tidak dihalusinya, lalu ia mengarang sekali lagi ketika bermukim di Mesir dan telah menghalusinya. Maksudnya kitab-kitab Shāfi‘ī yang berdasarkan “*qawl jadīd*” yang disusunnya dengan rapi di Mesir itulah yang utama. Demikian kata al-Dhahabī di dalam kitab tarikhnya: *al-Tarikh al-Kabīr* (lihat tepi kitab *al-Intiqā’* muka 77)

### Mazhab Shāfi‘ī al-Jadid

Mazhab-mazhab fiqh sebelum Imam Shāfi‘ī adalah bertujuan mengumpulkan masalah-masalah dan menyusunnya serta mengembalikannya kepada dalil-dalilnya dengan tafsil (dengan huraian satu persatu) apabila dalil-dalilnya itu terdiri daripada nas Quran dan sunnah.

Golongan ahli hadis pula oleh kerana mereka banyak sekali bersandarkan nas, maka banyakkah pula mereka kedapatan menyebutkan dalil-dalil dalam penjelasan mereka daripada golongan ahli al-Ra’ī, tetapi apabila Imam Shāfi‘ī tampil ke hadapan dengan mazhab jadidnya, ia telah selesai mengkaji kedua-dua mazhab (mazhab ahli hadis dan mazhab ahli al-Ra’ī) lalu kelihatan kepadanya beberapa kekurangan yang menjadikan dia tertarik hendak menyempurnakannya. Hal yang demikian menggambarkan kepada kita arah tujuan Imam Shāfi‘ī di dalam ilmu fiqh suatu arah yang baharu iaitu arah akal yang berdasarkan ilmu yang tidak mengambil berat kepada pecahan-pecahan dan *furu’*. Demikianlah yang diterangkan oleh Imam Aḥmad Ibn Ḥanbal dan demikian pula yang disalinkan oleh Ibn ‘Abd al-Bar di dalam kitab “*al-Intiqā’*” katanya: “al-Shāfi‘ī berkata kepada kami: kamu luas pengetahuan daripadaku tentang



*Tuan Burhanuddin anggota parlimen Indonesia sedang menyampaikan usulnya.*

hadis dan rawi-rawinya. Maka apabila hadis itu sah, khabarkanlah kepada aku yang hadis itu riwayat orang Kufah, atau riwayat orang Basrah ataupun riwayat orang-orang Syam supaya aku gunakan- (muka 75).

Dengan ini jelaslah bahawa Imam Shāfi‘ī di dalam penyelidikannya yang berdasarkan ilmu adalah mengambil berat sebelum apa-apa yang lain kepada mengikat dalil-dalil *tafsīrī* dengan Uṣūl yang menyatukannya, itulah dia fikiran secara falsafah. Dari segi ini Imam Shāfi‘ī menurut mazhab al-Failasuf Ibn Sina dalam menggunakan dalil dan menyelidik secara undang-undang tentang ini, Ibn Sina berkata di dalam kitabnya *al-Shifā’*:

“Aku tidak mengambil berat memikirkan pecahan-pecahan sesuatu perkara kerana dia tidak berkesudahan dan keadaannya tidak tetap, dan tidak pula mengetahui akan dia menurut keadaannya sebagai pecahan kecil itu akan mendatangkan faedah kepada kita dengan hukum yang sempurna atau menjadikan kita mencapai tujuan yang berhikmah, bahkan yang mustahak ialah memikirkan pokok sesuatu perkara itu.”

## Ilmu Uṣūl Fiqh

Al-Rāzī berkata: Orang ramai telah sekata, bahawa orang yang pertama-tama mengarang dalam ilmu Uṣūl fiqh ialah al-Shāfi‘ī, dialah yang telah mengaturkan bab-babnya, dan dia membezakan setengah-setengah bahagiannya daripada setengahnya yang lain, serta menghuraikan martabat-martabatnya tentang kuat dan lemahnya.

Badruddin Muḥammad Ibn ‘Abd Allāh al-Zarkashī, berkata di dalam kitabnya “*al-Baḥr al-Muḥīṭ*” (Uṣūl Fiqh): “Al-Shāfi‘ī ialah orang yang mula-mula sekali mengarang di dalam ilmu Uṣūl Fiqh. Ia telah mengarang di dalam ilmu itu: Kitab-kitab “*al-Risālah*”, “*Aḥkām al-Qur’an wa Ikhtilāf al-Ḥadīth wa Ibtāl al-Istihsān*”, “*Jamā’ al-‘Ulum*” dan “*al-Qiyās*” yang di dalamnya telah disebutkan kesesatan puak Mu‘tazilah”.

Manakala Ibn Khaldun pula berkata di dalam kitab “*Muqaddimah*”nya: Orang yang awal pertama menulis di dalam ilmu Uṣūl Fiqh ialah Imam al-Shāfi‘ī raḍī Allāh ‘anh, ia telah merencanakan “*risalahnya*” yang masyhur di dalam ilmu itu, diterangkan di dalamnya berkenaan suruh dan tegah, penerangan dan khabar, dan hukum alat yang ada nasnya daripada qiyas”.